

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

17. Terdapat lebih kurang 30 buah rumah yang terbiar di kawasan Minden Heights dan Taman Brown yang menimbulkan gangguan masalah kesihatan, kebersihan dan keselamatan kepada jiran yang lain.
- (a) Apakah tindakan terhadap perkara ini?
 - (b) Bolehkah Kerajaan Negeri membuat tindakan rampasan tanah kepada mereka yang ingkar terhadap notis yang dikeluarkan oleh kerajaan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengeluarkan dua (2) notis kacau ganggu di bawah Seksyen 82, Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) di kawasan-kawasan tersebut. Selain itu, MBPP juga telah mengeluarkan sembilan (9) notis di bawah Seksyen 8 (1), Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 di kawasan tersebut dan daripada notis tersebut, satu (1) premis telah dibersihkan sendiri oleh pemilik, tiga (3) premis telah dibersihkan oleh MBPP manakala lima (5) premis masih dalam peringkat pemantauan.

- (b) Perampasan (pelucuthakan) tanah hanya boleh dilakukan sekiranya cukai tanah tidak dijelaskan. Walau bagaimanapun, berdasarkan semakan Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut (PDTDTL) dari semasa ke semasa, tiada sebarang tunggakan cukai tanah bagi rumah-rumah yang terbiar yang dirujuk ke PDTDTL oleh Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Kesihatan Persekitaran MBPP.